

07/01/1999

Pertandingan bina rumah lereng bukit

Fazli Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet hari ini mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menganjurkan pertandingan membina rumah di lereng bukit bagi membuktikan pelaksanaan projek itu di kawasan berkenaan boleh dilakukan tanpa menjejaskan alam sekitar.

Penekanan utama pertandingan itu ialah dari segi pelan susun atur projek, mengelakkan pemotongan bukit dan penebangan pokok serta tidak merosakkan keadaan topografi di kawasan pembinaan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata idea pertandingan itu dikemukakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dipersetujui dalam mesyuarat Kabinet yang turut membincangkan isu pembangunan kawasan tanah tinggi hari ini.

Menurutnya, pemenang pertandingan itu akan diberikan hadiah serta melaksanakan projek mereka mengikut konsep dan idea yang dikemukakan dalam pertandingan itu.

"Dengan ini, kita akan mendapat idea baru untuk melaksanakan projek perumahan di lereng bukit, sekali gus membuktikan pembangunan boleh dilakukan tanpa menjejaskan alam sekitar.

"Ini bermakna, pembangunan yang dijalankan boleh diseimbangkan dengan keadaan alam sekitar," katanya kepada pemberita di pejabatnya selepas menghadiri mesyuarat Kabinet, hari ini.

Dr Ting berkata, kerana arahan itu baru, beliau perlu membincangkannya dengan pegawai kementeriannya untuk menyediakan peraturan dan perancangan sebelum melancarkan pertandingan itu.

Bagaimanapun, katanya, ia dijangka dimulakan tahun ini juga dengan Jabatan Perumahan Negara (JPN) akan dilantik sebagai penganjur. Jabatan itu juga akan menghubungi pihak lain dalam industri perumahan.

"Kementerian akan segera mengadakan perancangan pertandingan itu serta merangka syaratnya," katanya sambil menambah, hanya pemaaju yang layak berdasarkan kriteria tertentu, dibenarkan menyertai pertandingan itu.

Beliau berkata, pemenang pertandingan itu perlu menterjemahkannya dalam bentuk projek yang akan dilaksanakannya serta mematuhi konsep yang dirangka.

Bagaimanapun, Dr Ting tidak dapat mengulas lanjut sama ada projek yang memenangi pertandingan itu akan diterima pakai oleh pemaaju lain.

"Saya terima arahan hari ini dan ia sudah tentu memerlukan perbincangan lanjut," katanya.

Menjawab soalan, beliau berkata, pertandingan itu akan mengambil masa yang lama kerana peserta memerlukan masa antara satu hingga dua tahun untuk menyiapkan reka bentuk dan pelan susun atur projek masing-masing.

Dr Ting berkata, projek pembinaan di kawasan tanah tinggi menjadi isu hangat berikutan tragedi runtuh Highland Towers yang mengorbankan 48 nyawa pada Disember 1993.

Berikutan itu, katanya, kerajaan tidak menggalakkan pelaksanaan projek di kawasan lereng bukit dan tanah tinggi.

"Kerajaan bukannya menghalang projek di tanah tinggi tetapi pemaaju perlu mematuhi peraturan yang ketat. Oleh itu, pertandingan ini membuktikan pembangunan di kawasan itu boleh diteruskan," katanya.

(END)